
Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank-bank yang kukuh terus menyokong pengantaraan kewangan

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal berdaya tahan. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) agregat kekal kukuh dan melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 160.5% dan 115.7% pada akhir bulan Jun 2025 (Disember 2024: 160.7% dan 116.3%). Selain wang tunai dan lebihan rizab bank pusat,


Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih




Sumber: Bank Negara Malaysia

bank-bank terus mengekalkan pemegangan besar dalam bon dan sukuk kerajaan yang boleh dijadikan sebagai cagaran untuk mendapatkan mudah tunai tambahan daripada pasaran antara bank atau BNM apabila perlu.

Setakat bulan Jun 2025, deposit sistem perbankan[1] mencakupi 74.5% (Disember 2024: 75%) daripada jumlah liabiliti dan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 3.8% (Disember 2024: 3.3%) (Rajah 2.3). Hal ini disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam deposit daripada individu dan perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan). Secara keseluruhannya, segmen ini mencakupi 73.1% (Disember 2024: 73%) daripada jumlah deposit, manakala penyumbang terbesar seterusnya adalah institusi kewangan bukan bank (IKBB) dan kerajaan, masing-masing sebanyak 8.9% dan 7.2% daripada jumlah deposit (Disember 2024: 9.7% dan 6.7%). Deposit daripada individu

[1] Deposit sistem perbankan merujuk deposit daripada individu, perniagaan, IKBB, kerajaan dan institusi perbankan pemastautin, serta bukan pemastautin. Mulai Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama 2025, deposit sistem perbankan tidak termasuk perjanjian pembelian semula. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Diterima Mengikut Jenis




Sumber: Bank Negara Malaysia

dan perniagaan pemastautin kekal sebagai sumber utama pendanaan yang stabil bagi bank-bank, khususnya apabila deposit daripada IKBB menurun pada separuh pertama tahun 2025 berikutan peningkatan aktiviti pelaburan di luar negara. Deposit tetap (termasuk Murabahah Komoditi) terus menyokong kestabilan struktur pendanaan bank-bank, mencakupi lebih separuh daripada jumlah deposit sistem perbankan (51.4%; Disember 2024: 51.3%; purata 2015–2019: 47.9%) (Rajah 2.4).


Meskipun pasaran global terus menghadapi ketidakpastian, kedudukan pendanaan domestik kekal terkawal, disokong oleh suntikan mudah tunai tambahan dalam sistem perbankan berikutan keputusan BNM untuk mengurangkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) sebanyak 100 mata asas. Keputusan ini, bersama-sama dengan jangkaan pengurangan kadar dasar pada masa tersebut telah menyumbang kepada penurunan kadar antara bank dengan kadar antara bank untuk 3 bulan menurun sebanyak 25 mata asas antara bulan Disember 2024 hingga bulan Jun 2025. Keadaan ini telah membantu mengurangkan kos pendanaan bank-bank seperti yang dicerminkan melalui penurunan purata berwajaran kos dana kepada 2.72% pada bulan Jun 2025 (Disember 2024: 2.77%) (Rajah 2.5). Sementara itu, purata berwajaran kos deposit kekal stabil pada 2.52% (Disember 2024: 2.52%) berikutan kesan penurunan kadar faedah deposit tetap runcit yang diimbangi oleh kadar deposit korporat yang tinggi. Selaras dengan penurunan kos pendanaan, aktiviti pemberian pinjaman oleh bank-bank kekal kukuh dengan pertumbuhan pinjaman stabil pada kadar 5.1% (Disember 2024: 5.5%) (Rajah 2.6).

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Purata Berwajaran Kos Deposit, Purata Berwajaran Kos Dana dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko daripada hutang luar negeri bank-bank kekal terkawal

Hutang luar negeri bank-bank secara amnya kekal stabil pada separuh pertama tahun 2025 dengan sedikit peningkatan sebanyak RM2.6 bilion kepada RM448 bilion (Disember 2024: RM445.3 bilion) (Rajah 2.7). Hal ini terutamanya didorong oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi sebanyak RM17.1 bilion yang dicatatkan oleh bank-bank yang beroperasi di Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC)

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen




Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang terlibat dalam aktiviti aliran *out-out*[2] dengan rakan niaga berkaitan. Peningkatan tersebut diimbangi sebahagiannya oleh keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing (*foreign exchange,* FX) berikutan peningkatan nilai ringgit berbanding dolar AS pada suku kedua tahun 2025 yang mengurangkan nilai ringgit bagi hutang luar negeri sebanyak RM14.5 bilion.

Risiko pendanaan dan mudah tunai berkaitan dengan hutang luar negeri bank-bank kekal terkawal. Setakat bulan Jun 2025, dana yang diperoleh daripada rakan niaga bukan pemastautin hanya mencakupi 7.9% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan, menunjukkan kebergantungan yang terhad terhadap sumber luar untuk memenuhi keperluan pendanaan domestik. Sebahagian besar hutang luar negeri bank-bank terus tertumpu dalam kalangan rakan niaga berkaitan atau terdiri daripada instrumen hutang jangka panjang yang stabil, mewakili 78.8% daripada jumlah hutang luar negeri (Disember 2024: 76.9%). Pemegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets,* HQLA) dalam mata wang asing (*foreign currency,* FCY) oleh bank-bank tempatan kekal mencukupi untuk menampung sehingga 2.7 kali bahagian dana FCY luaran yang paling terdedah kepada risiko pengeluaran secara mendadak, atau hutang berisiko FCY[3] (Jun 2025: RM90.6 bilion; Disember 2024: RM100 bilion) (Rajah 2.8).

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.


Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] *Out-out* merujuk penempatan dana daripada sumber luaran dengan rakan niaga luar negeri.

[3] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, pinjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara mendadak.


Bank-bank terus menguruskan risiko FX secara berhemat. Dedahan langsung terhadap risiko FX seperti yang diukur melalui kedudukan terbuka bersih FX (FX *net open position,* FX NOP) bank-bank (Rajah 2.9), kekal sederhana pada 4.3% daripada jumlah modal (Disember 2024: 3.8%; purata 2020–2022: 4.2%). Pada masa hadapan, hutang luar negeri bank-bank dijangka kekal stabil secara amnya, disokong oleh mudah tunai domestik yang mencukupi.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar




Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Kualiti aset sistem perbankan terus kukuh. Walaupun sebahagian kecil peminjam dalam segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik pinjaman, nisbah pinjaman terjejas kasar sistem perbankan kekal stabil pada 1.4% pada separuh pertama tahun 2025 (Disember 2024: 1.4%) (Rajah 2.10) disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang berterusan. Di samping itu, bahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai Tahap 2 juga kekal stabil pada 6.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Disember 2024: 6.6%; purata 2018–2019: 7.6%) (Rajah 2.11). Selaras dengan trend ini, pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman kekal sebagai sebahagian kecil daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada 1.5% (Disember 2024: 1.7%), manakala bahagian pinjaman yang baru dijadualkan semula dan distrukturkan semula (*rescheduled and restructured*) kekal kecil pada 0.07% (Disember 2024: 0.09%).

Meskipun terdapat peningkatan ketara dalam kualiti aset berbanding dengan tempoh sebelum pandemik, bank-bank terus mengamalkan pendekatan peruntukan

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2




Sumber: Bank Negara Malaysia

yang berhemat. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal tinggi pada 130.4% (Disember 2024: 129.6%) (Rajah 2.12), mencerminkan pendekatan konservatif berterusan bank-bank dalam menguruskan risiko kredit terutamanya dalam kalangan peminjam bagi segmen berisiko tinggi yang terus menghadapi cabaran kos . Khususnya, pertimbangan


pengurusan (*management overlay*)[4] yang digunakan dan terkumpul sejak pandemik terus mencatatkan penurunan. Setakat bulan Jun 2025, pertimbangan pengurusan mencakupi 23% daripada peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss,* ECL) bagi pinjaman (Disember 2024: 25%). Melalui amalan peruntukan berhemat yang masih dilaksanakan, kos kredit tahunan secara amnya kekal stabil (Rajah 2.13).

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan bank-bank kekal kukuh disokong oleh pendapatan faedah yang berterusan

Keuntungan bank-bank terus disokong oleh pendapatan faedah pada separuh pertama tahun 2025 (Rajah 2.14). Margin faedah bersih (*net interest margins,* NIM) menjadi stabil kepada 2.01% setakat bulan Jun 2025 (Disember 2024: 2%; purata 2015–2019: 2.11%) berikutan peningkatan pendapatan faedah daripada pinjaman. Pendapatan perdagangan dan pelaburan turut menyumbang kepada keuntungan bank-bank dan meningkat kepada RM8.3 bilion pada separuh pertama tahun 2025 (ST2 2024: RM7.7 bilion), didorong terutamanya oleh keuntungan penilaian semula FX yang besar berikutan pengukuhan nilai ringgit. Meskipun bank-bank memiliki pemegangan bon kerajaan yang besar (10.4% daripada jumlah aset sistem perbankan; Disember 2024: 10.1%), dedahan terhadap risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB)[5] kekal terkawal.

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2024 dan ST1 2025.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.


Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan selain peruntukan yang ditentukan oleh model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan atau ketidakpastian data yang tidak diambil kira sepenuhnya melalui model ECL.

[5] IRRBB mencerminkan risiko semasa atau risiko berkemungkinan terhadap modal dan pendapatan bank-bank yang berpunca daripada pergerakan negatif kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan bank-bank. Risiko ini diukur sebagai peratusan daripada modal bank-bank (Jun 2025: 6.4%; Disember 2024: 6.4%).

Selaras dengan pendapatan yang lebih kukuh, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti (*return on equity*, ROE) sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.5% dan 13.8% (Disember 2024: 1.3% dan 12.1%).[6] Walau bagaimanapun, penilaian pasaran bagi bank-bank tersenarai yang diukur melalui nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan nisbah harga kepada pendapatan (*price-to-earnings*, P/E) mencatatkan sedikit penurunan, sejajar dengan trend keseluruhan dalam pasaran ekuiti tempatan (Rajah 2.15). Pada masa hadapan, margin faedah bersih bank-bank dijangka menghadapi tekanan penurunan sementara berikutan penurunan kadar pemberian pinjaman yang diunjurkan lebih cepat berbanding pengurangan kos pendanaan susulan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai 2025. Pecahan pinjaman kadar terapung yang tinggi dalam portfolio bank-bank dijangka akan menyebabkan kadar pinjaman efektif menurun secara relatif dengan lebih cepat, manakala pegangan besar deposit tetap jangka panjang boleh mengakibatkan pelarasan kos deposit dan pendanaan berlaku secara lebih perlahan dan berperingkat sehingga liabiliti ini dibiayai semula atau diperbaharui.

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia




Nota: Merujuk kepada median nisbah kumpulan perbankan domestik *(domestic banking groups, DBG)* di Malaysia.

Sumber: Bloomberg

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal stabil pada 18.2% daripada jumlah aset berwajaran risiko (Disember 2024: 18.6%), dengan penampan modal berjumlah RM138.9 bilion (Disember 2024: RM143.1 bilion) (Rajah 2.16). Penampan yang kukuh ini membolehkan bank-bank untuk terus menyokong pengantaraan kredit dan menyerap kerugian yang tidak dijangka. Kedudukan modal bank-bank disokong selanjutnya oleh keuntungan penilaian semula daripada pemegangan bon dalam akaun perbankan yang didorong oleh penurunan kadar hasil bon dalam negeri merentas semua tempoh matang antara bulan Januari hingga Jun 2025. Potensi kesan tarif Amerika Syarikat (AS) terhadap bank-bank dijangka masih berada dalam julat keputusan yang dipertimbangkan dalam ujian tekanan BNM yang terkini,[7] lantas menggariskan bahawa kedudukan modal bank-bank kekal berdaya tahan meskipun menghadapi senario buruk.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Pulangan atas aset dan ROE dikira dengan menggunakan keuntungan sebelum cukai. Berdasarkan keuntungan selepas cukai, ROE berada pada 10.8% (Disember 2024: 9.3%).

[7] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Kedua 2024 bagi butiran lanjut berkenaan ujian tekanan.

Penilaian terkini BNM terhadap bank-bank domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banks,* D-SIB) berdasarkan data pada akhir tahun 2024 menunjukkan bahawa senarai kumpulan perbankan yang ditetapkan sebagai D-SIB dan keperluan penyerapan kerugian yang lebih tinggi (*higher loss absorbency*, HLA) untuk mencerminkan kepentingan sistemik masing-masing kekal tidak berubah (Jadual 2.1). Semua D-SIB terus mengekalkan modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET-1) melebihi paras minimum pengawalseliaan, termasuk keperluan HLA.

Jadual 2.1: Keperluan HLA untuk D-SIB


D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko)
Malayan Banking Berhad	1.0
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG terus terhad

Keuntungan operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups,* DBG) meningkat pada separuh pertama tahun 2025 (Rajah 2.17). Hal ini didorong terutamanya oleh operasi di Singapura (mencakupi 57% daripada aset operasi luar negeri) (Rajah 2.18) susulan pendapatan fi yang lebih tinggi. Operasi di Hong Kong juga mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi disokong oleh keuntungan daripada penilaian pasaran (*marked-to-market*, MTM) yang ketara daripada sekuriti, khususnya pada suku pertama tahun 2025 berikutan pelonggaran kadar dasar secara beransur-ansur sejak suku ketiga tahun 2024.[8] Sebaliknya, operasi di Thailand terus mencatatkan kerugian disebabkan oleh kos kredit yang tinggi berikutan cabaran menguruskan pinjaman terjejas yang meningkat dalam kalangan peminjam PKS dan peminjam komersial.


Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.
3. Pulangan atas ekuiti negatif bagi operasi di Thailand adalah disebabkan oleh asas ekuiti kecil dikaitkan dengan satu operasi kecil yang hanya menyumbang kira-kira 0.1% daripada jumlah gabungan aset DBG.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama




Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Pada bulan September 2024, kadar dasar di Hong Kong dikurangkan buat kali pertama sejak pandemik COVID-19, iaitu sebanyak 50 mata asas kepada 5.25%. Kadar dasar ini kemudiannya dikurangkan lagi kepada 5.00% pada bulan November dan 4.75% pada bulan Disember 2024.

Seperti di Malaysia, kualiti aset keseluruhan operasi luar negeri DBG kekal stabil (Rajah 2.19) berbanding penilaian dalam penerbitan terdahulu. Walau bagaimanapun, operasi di Hong Kong mencatatkan peningkatan dalam nisbah pinjaman terjejas kasar disebabkan oleh tekanan aliran tunai yang dihadapi oleh syarikat korporat dan PKS berikutan persekitaran perniagaan yang mencabar.

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri




Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko mudah tunai dan pendanaan daripada operasi luar negeri kekal terhad memandangkan operasi luar negeri utama terus dibiayai terutamanya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Operasi luar negeri DBG juga terus disokong oleh penampan modal yang kukuh (purata nisbah jumlah modal pada Jun 2025: 18.6%; Disember 2024: 19.9%).

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia